



□ جابتن حال احوال اكام اسلام نكري سابه

KHUTBAH JUMAAT 12 SAFAR 1441H BERSAMAAN 11 OKTOBER 2019

AMBIL YANG HALAL BUANG YANG HARAM

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُلُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ وَاشْكُرُوا لِلَّهِ إِن كُنتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ
اهْتَدَى بِهَدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ.

MUSLIMIN JEMAAH JUMAAT RAHIMAKUMULLAH,

Bertaqwalah kepada Allah Ta'ala dengan taqwa yang sebenar-benar. Taqwa dalam ertikata melaksanakan segala yang diperintah oleh Allah SWT dan meninggalkan segala yang dilarang-Nya. Beruntunglah orang yang bertaqwa itu, sebagaimana firman Allah SWT:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَى ءَامَنُوا وَأَتَّقُوا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ ...

Maksudnya: “Dan (Tuhan berfirman): Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi...”. (Surah Al-A’raaf, ayat 96)

Oleh itu, bertaqwalah di mana-mana pun kita berada, dari Jundub bin Junadah dan Abi Abdurrahman Mu’az bin Jabal RA dari Rasulullah SAW sabdanya, yang bermaksud: “Bertaqwalah engkau kepada Allah di mana-mana pun engkau berada dan iutilah kejahatan itu dengan kebaikan supaya ia menghapuskannya dan bergaullah sesama manusia dengan sebaik-baik akhlak”. (HR At-Tirmizi)

MUSLIMIN JEMAAH JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Khatib ingin mengajak Jemaah sekalian untuk merenung dan menghayati firman Allah SWT di dalam Al-Quran tentang halal haram:

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ كُلُّوْا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلٰلًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوٰتِ الشَّيْطٰنِ ۚ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ



Maksudnya: “Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi, yang halal lagi baik dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan, kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu”. (Surah Al-Baqarah, ayat 168)

Syaitan itu musuh yang terang nyata bagi manusia, kerana kerjanya menyuruh manusia berbuat kejahatan, perbuatan keji dan berdusta kepada Allah SWT, sebagaimana firman-Nya:

إِنَّمَا يَأْمُرُكُمْ بِالسُّوْءِ وَالْفَحْشَآءِ وَأَنْ تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ

Maksudnya: “Ia (syaitan itu) hanya menyuruh kamu melakukan kejahatan dan perkara-perkara yang keji dan (menyuruh) supaya kamu berkata (dusta) terhadap Allah, apa yang kamu tidak ketahui (salah benarnya)”. (Surah Al-Baqarah, ayat 169)

MUSLIMIN JEMAAH JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Halal haram itu suatu yang jelas dan ditentukan hukum dan dalilnya daripada Al-Quran, Sunnah Rasulullah SAW, pendapat ulama muftakar dan qiyas.

Daripada Abu Abdullah An-Nu'man ibn Basyir RA katanya: Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “*Sesungguhnya halal itu nyata (jelas terang) dan haram itu juga nyata, tetapi antara keduanya ada perkara-perkara musytabihat (kesamaran) yang tidak diketahui oleh kebanyakan orang. Sesiapa yang memelihara dirinya daripada melakukan perkara-perkara syubhah (kesamaran antara yang halal dengan yang haram), maka sesungguhnya dia telah menyelamatkan agama dan kehormatannya. Sesiapa terjerumus melakukan perkara syubhah maka terjerumuskan dia ke dalam perkara yang haram, bagaikan penggembala yang menggembala di sekitar kawasan larangan, hampir-hampir dia terjatuh ke dalamnya. Ketahuilah, sesungguhnya kawasan larangan Allah itu ialah perkara yang diharamkan-Nya. Ketahuilah, sesungguhnya di dalam tubuh badan itu ada seketul daging, apabila ia baik, maka baiklah seluruh badan, apabila ia rosak, maka rosaklah seluruh badan. Ketahuilah (seketul daging) itu ialah hati*”. (HR Imam Al-Bukhari dan Muslim)

Berdasarkan mafhum Hadith ini, beberapa pengajaran penting sebagai panduan terbaik kepada umat Islam dalam memilih apa jua dalam kehidupan seharian ini, sama ada ia berkaitan makan minum, pakaian, pekerjaan, sumber rezeki anak isteri, keluarga dan sebagainya supaya ia dipastikan benar-benar halal di sisi Syarak, antara pengajaran itu, ialah:

1. Umat Islam wajib memilih yang halal. Kerana halal itu baik dan dijamin pahala di sisi Allah SWT.
2. Umat Islam wajib menjauhi yang haram. Kerana yang haram itu menyebabkan dosa.
3. Umat Islam juga wajib meninggalkan perkara-perkara yang syubhah atau yang diragui hukumnya antara halal atau haram.

4. Umat Islam hendaklah berhati-hati dalam melaksanakan perintah agama dan berusaha mengelakkan perkara yang boleh menimbulkan salah sangka atau kekeliruan di kalangan masyarakat awam serta mengelak diri daripada terjerumus ke tempat yang dimurkai oleh Allah SWT.
5. Umat Islam wajib melaksanakan tugas dakwah dalam memperbaiki hati yang menjadi sebab kebaikan dan keburukan seluruh tubuh badan.
6. Umat Islam juga wajib bekerjasama dalam menutup semua jalan yang boleh membawa kepada perkara-perkara yang haram.

MUSLIMIN JEMAAH JUMAAT YANG BERIMAN,

Dalam hubungan ini, umat Islam jangan sekali-kali memandang remeh dan enteng perkara halal haram dalam makan minum, sumber rezeki, pekerjaan dan pencarian untuk kehidupan kita di dunia dan akhirat. Antara perkara teramat penting dan bersangkutan paut dengan kehidupan kita di dunia dan akhirat, iaitu:

1. Jangan makan, jangan ambil dan jangan cari jalan yang batil atau salah, firman Allah SWT:

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ

النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٨﴾

Maksudnya: “Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, pada hal kamu mengetahui (salahnya)”. (Surah Al-Baqarah, ayat 188)

2. Mencari yang halal itu suatu yang fardu, sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “Mencari yang halal itu adalah fardu (wajib) bagi setiap orang Islam”. (HR Ibnu Abdilbarr).
3. Makan yang haram dibalas dengan siksa neraka, sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “Setiap daging yang tumbuh dari harta yang haram, maka api neraka adalah lebih utama untuk menyiksanya”. (HR At-Tirmizi)
4. Rasuah itu haram. Haram juga memberi dan menerima rasuah, Allah SWT melaknat mereka, sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “Allah SWT melaknat pemberi rasuah dan penerima rasuah dan orang yang memberi peluang diantara mereka”. (HR Ahmad)
5. Doa orang yang makan haram tidak dimakbulkan di sisi Allah SWT, sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “Kemudian ada seorang lelaki yang datang dari tempat yang jauh, rambutnya tidak terurus penuh dengan debu, dia mengangkat tangannya ke langit sambil berdoa: Ya Rabb, ya Rabb, pada hal makanannya haram, minumannya haram, pakaiannya haram dan diberi makan dengan barang yang haram pula, maka bagaimana mungkin doanya itu dikabulkan”. (HR Imam Muslim dan At-Tirmizi)
6. Harta haram yang disedekahkan tiada berpahala, sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “Sesiapa mengumpulkan harta (wang dan lain-lain) dari jalan yang haram kemudian dia sedekahkan harta itu, sama sekali dia tidak akan beroleh pahala, bahkan dosanya akan menyimpannya”. (HR Ibnu Khuzaimah, Ibnu Hibban dan Al-Hakim)

7. Benda yang haram tidak menyembuhkan, sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “*Sesungguhnya Allah tidak menjadikan kesembuhan kamu dengan sesuatu yang Dia haramkan atas kamu*”. (HR Imam Al-Bukhari)

MUSLIMIN JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH TA'ALA,

Kesimpulan daripada mafhum dan maksud ayat Al-Quran dan Hadith Rasulullah SAW ini, umat Islam hendaklah berwaspada supaya tidak terjerumus ke dalam perangkap perkara yang diharamkan dan juga dimurkai oleh Allah SWT, kerana Rasulullah SAW pernah menegaskan bahawa satu masa nanti umatnya akan berdepan dengan situasi di mana orang sudah tidak ambil peduli apakah makan, minum, rezeki, sumber pencarian itu halal atau haram.

Sabda Baginda SAW yang bermaksud: “*Akan datang bagi manusia suatu zaman di mana orang tidak lagi peduli apakah harta yang diperolehinya itu halal atau haram*”. (HR Imam Al-Bukhari)

Dengan itu, pilihlah makanan halal, minuman halal, pekerjaan halal dan pilihlah restoran halal, pilihlah bahan gunaan atau barangan halal yang diusahakan oleh umat Islam dan hari ini umat Islam dipermudahkan melalui sistem pensijilan dan logo halal yang dikeluarkan oleh kerajaan. Mudah lihat logo halal yang tertera dalam barangan, premis, restoran, hotel dan lain-lain termasuklah bahan kegunaan harian, jika ada logo halal yang diiktiraf, itulah pilihan umat Islam. Jika ada yang meragukan atau mengelirukan, pilih yang halal dan tidak meragukan.

Justeru itu, Islam mengajarkan umatnya supaya meninggalkan apa jua yang meragukan sama ada makan minum, pekerjaan dan sebagainya, sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “*Tinggalkanlah sesuatu yang meragukan mu, beralih kepada sesuatu yang tidak meragukan mu*”. (HR Ahmad, At-Tirmizi, An-Nasa'ie, Ibnu Hibban dan Al-Hakim)

Demikianlah, indahnya Islam dalam mengatur kehidupan umatnya dalam menjaga halal haram dalam kehidupan berkaitan makan, minum, pakaian, pekerjaan, sumber rezeki dan sebagainya. Mudah-mudahan kehidupan kita, anak isteri, suami isteri, keluarga dan masyarakat Islam akan bertambah-tambah keberkatan dan memperolehi redha di sisi Allah SWT kerana kita hidup dengan mempelajari agama, memahami dan mengamalkan Syariat serta ajaran Islam dengan sebaik-baiknya, pasti hidup kita lebih baik dan lebih barakah, insyaa Allah.

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَتَفَعَّلِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ
لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadith Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.